

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE 21/12/2009

Dr. M lega hidup penduduk Langkawi bertambah baik

um-21/12/2009



MAHATHIR MOHAMAD

LANGKAWI 20 Dis. – Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melahirkan perasaan gembira kerana kehidupan penduduk Langkawi telah bertambah baik hasil pembangunan pesat di pulau legenda itu.

Katanya, beliau mendapati banyak rumah yang daif serta serba kekurangan kini berubah kepada rumah-rumah batu dalam tempoh beberapa tahun pembangunan ini sebahagian besarnya kerana Langkawi mempunyai kilang pengeluaran simen

di Teluk Ewa, Ayer Hangat.

Ini merupakan sebahagian daripada pembangunan pesat yang dialami di Langkawi dan turut dirasakan penduduk Langkawi, katanya pada majlis jamuan makan malam bagi mengutip derma untuk tabung Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Daerah Langkawi di sini malam tadi. Turut hadir isteri Dr Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Dr. Mahathir turut menerima cek

sumbangan daripada pelbagai pihak berjumlah RM65,000 untuk disumbangkan kepada tabung Pemadam Langkawi.

Beliau berkata, dengan kehadiran pelancong ke Langkawi sebanyak dua juta orang setahun dan jika seorang membelanjakan RM500, hasil pendapatan yang boleh mencecah sehingga RM1 bilion itu akan dapat dimanfaatkan oleh mereka yang terlibat dalam industri pelancongan.

Dr. Mahathir berkata, masih ada

ruang untuk membangunkan Langkawi dari segi mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan termasuk cadangan pertukaran barangan di pelabuhan Teluk Ewa, Ayer Hangat.

Terdahulu, beliau menyarankan ibu bapa dan guru-guru agama memberi kesedaran kepada anak-anak dan pelajar mengenai bahaya najis dadah.

Katanya, ini penting bagi menanam rasa benci terhadap najis dadah yang menjadi musuh utama negara.

—BERNAMA